

**UMNO Sik Buat Laporan Polis Isu Pijak Gambar PM, 'Bendera Baharu'
Bernama
6 September, 2012**

SIK, 6 Sept (Bernama) -- Umno Bahagian Sik pada Khamis membuat dua laporan polis berhubung tindakan sekumpulan peserta Himpunan Janji Demokrasi memijak gambar Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dan isteri Datin Seri Rosmah Mansor serta insiden 'bendera baharu' pada sambutan Ambang Merdeka di Dataran Merdeka, pada 30 Ogos lepas.

Laporan berkenaan dibuat Ketua Umno Bahagian itu, Datuk Mohd Tajudin Abdullah yang juga Anggota Dewan Undangan Negeri (Adun) Belantek di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Sik, kira-kira pukul 3.30 petang Khamis.

Ia disusuli 15 lagi laporan polis yang masing-masing dibuat sayap-sayap Umno Bahagian Sik dan beberapa badan bukan kerajaan (NGO) di daerah tersebut.

Mohd Tajudin berkata beliau kecewa dengan tindakan biadap pihak terbabit kerana rakyat di negara ini tidak sepatutnya menunjukkan kelakuan seumpama itu.

"Sejak negara kita mencapai kemerdekaan lebih 50 tahun lepas, rakyat berbilang kaum di negara ini hidup dalam keadaan aman damai, sebab itu kita menentang habis-habisan tindakan biadap yang dilakukan pihak berkenaan," katanya kepada pemberita di pekarangan pejabat Adun Belantek, di sini hari ini.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=692587>